

SEKTOR PEMBENTUNGAN

SOALAN-SOALAN LAZIM

S: Adakah pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetulan Sarawak (JPPS) akan beroperasi seperti biasa?

J: Sebagai tindakan untuk membendung penularan wabak COVID-19, pejabat JPPS akan beroperasi bermula 8.00 pagi sehingga 5 petang dengan bilangan pekerja yang terhad. Walau bagaimanapun, operasi loji rawatan kumbahan awam, penyelenggaraan dan baikpulih paip pembeNtung dan penyelenggaraan mesin dan peralatan loji masih beroperasi dengan kapasiti penuh.

S: Adakah pejabat JPPS boleh dikunjungi oleh orang awam?

J: JPPS menghadkan bilangan pekerja yang bertugas dan kehadiran pelawat di pejabat. Pelawat yang ingin berurusan dengan Jabatan adalah digalakan untuk menghubungi pegawai berkenaan melalui email atau panggilan telefon terlebih dahulu untuk sebarang pertanyaan atau temujanji.

Untuk sebarang pertanyaan, orang awam boleh menghubungi Jabatan melalui;
Tel : +6082-341450
Fax : +6082-341460
Email : enquiry.ssd@sarawak.gov.my

S: Bagaimanakah orang awam hendak membuat aduan berkenaan perkhidmatan pembetulan?

J: Orang awam boleh membuat aduan berkaitan perkhidmatan pembetulan melalui panggilan telefon kepada Jabatan atau menghantar aduan melalui aplikasi Talikhidmat.

Pegawai yang bertugas akan menghubungi orang awam yang mengadu untuk memeriksa keadaan di tapak. Kerja pemeriksaan di tapak hendaklah mematuhi Standard Operating Procedure seperti penggunaan *mask* dan *hand sanitiser*.

S: Apakah langkah-langkah yang diambil oleh JPPS bagi memastikan pegawai dan kontraktor yang bertugas tidak terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19?

J:

Langkah-langkah	Penerangan
-----------------	------------

1. Penjarakan sosial	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan penjarakan sosial 1 meter dalam semua aktiviti
2. Penggunaan hand sanitizer	<ul style="list-style-type: none"> Mewajibkan penggunaan hand sanitizer atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun
3. Mengambil dan merekod suhu badan pekerja	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5°C ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke hospital yang berdekatan
4. Penggunaan PPE	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan topeng muka berdasarkan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia Pemakaian PPE yang bersesuaian dengan SOP perkhidmatan
5. Nyahkuman dan sanitasi	<ul style="list-style-type: none"> Process nyahkuman dan sanitasi harus berdasarkan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Had maksima ketika mesyuarat dan lawatan tapak	<ul style="list-style-type: none"> Menghadkan bilangan ahli di dalam mesyuarat dan lawatan tapak. Tindakan 1 hingga 4 perlu dipatuhi untuk mesyuarat dan lawatan tapak.

S: Apakah langkah-langkah yang diambil oleh JPPS bagi memastikan kakitangannya tidak terdedah kepada risiko jangkitan Covid-19?

J:

- a) Hanya loji rawatan kumbahan beroperasi dengan kapasiti penuh.
- b) Sebilangan besar kakitangan diarahkan bekerja dari rumah.
- c) Peralatan seperti handsanitizer, sarung tangan dan topeng muka disediakan untuk penggunaan kakitangan yang bertugas.
- d) Langkah berjaga-jaga seperti *quarantin* diri dilakukan untuk kumpulan berisiko tinggi.
- e) Pejabat dan loji telah melalui proses nyahkuman dan sanitasi berdasarkan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia

S: Bolehkah konsultan mengemukakan *sewerage plan submission*?

J: JPPS beroperasi dengan kakitangan yang minima. Konsultant adalah digalakan untuk menghubungi pegawai berkenaan melalui email atau panggilan telefon sekiranya memerlukan maklumat berkaitan dengan permohonan yang dihantar.

Sebarang bentuk mesyuarat, perbincangan dan pemeriksaan tapak hendaklah mematuhi *standard operating procedure* seperti pemakaian topeng muka dan penjarakan sosial.

S: Adakah tuntutan yang dikemukakan oleh pembekal / kontraktor untuk perkhidmatan yang telah dilaksanakan akan diproses seperti biasa?

J: Invois tuntutan akan diproses sewajarnya.